

TUGAS PEGAWAI PELAPOR PARLIMEN, KPT

1. Sentiasa maklum tentang tarikh jadual bertugas dan mengadakan persediaan yang perlu bagi menghadiri persidangan Parlimen.
2. Hadir bertugas pada tarikh yang ditetapkan dan dikehendaki **tiba di Parlimen pada jam 9.00 pagi.**
3. Laporkan kehadiran di Parlimen kepada **Pegawai Penyelaras Parlimen KPT dengan menghubungi nombor 019-3888706/019-2200068** dan bertemu dengan Pegawai Pelapor yang dijadualkan untuk bertugas bersama. Pegawai Penyelaras Parlimen KPT akan memberi taklimat ringkas dan menyemak borang laporan persidangan pada hari bertugas.
4. Dapatkan Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) hari berkenaan di bilik Urusetia Parlimen.
5. Berkumpul di Bilik KPT bersama Pegawai Penyelaras Parlimen KPT untuk bertemu dengan Y.B Menteri / Y.B Timbalan Menteri(1) / Y.B Timbalan Menteri (2).
6. Memasuki Dewan selewat-lewatnya jam 10.00 pagi dan mengikuti sesi soal jawab lisan dan sesi perbahasan sehingga tamat persidangan.

7. Mencatat sebarang isu yang berkaitan dengan KPT yang dibangkitkan sepanjang sesi perbahasan pada borang laporan harian yang disediakan.
8. Serahkan borang laporan perbahasan yang telah diisi kepada Pegawai Penyelaras Parlimen KPT sebaik sahaja persidangan ditangguhkan pada hari yang sama.
9. Berbincang dengan Pegawai Penyelaras Parlimen KPT berkaitan isu yang dicatatkan bagi memberi maksud yang jelas tentang isu yang dibangkitkan.
10. Menjalankan tugas-tugas lain yang di arahkan dari masa ke semasa.
11. Pegawai Pelapor yang tidak dapat bertugas di Parlimen atas alasan yang munasabah hendaklah menguruskan pertukaran dengan pegawai di jabatan/bahagian masing-masing dan memaklumkan pertukaran tersebut kepada pegawai penyelaras jabatan/bahagian tersebut dan juga Unit Urusan Parlimen KPT dengan seberapa segera atau melalui email **urusetiaparlimen@mohe.gov.my**.

Kegagalan bagi mendapatkan pegawai pengganti akan menyebabkan surat tunjuk sebab dikeluarkan.

12. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pegawai di Unit Urusan Parlimen, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Aras 13, No.2 Menara 5G2, Jalan P5/9 Presint 5, 62200 Putrajaya **(En Azraq di talian 8870 5089)**.